

PEMBUDAYAAN MAZHAB SYAFI'I DALAM MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA

Oleh:

*Idris Awang**

*Tengku Sarina Aini Tengku Kasim***

ABSTRACT

The paper attempts to look into the process of enculturisation of Shafi'ite school of thought in education and Islamic law from the early period of Islam in the peninsular Malaya. The first part of the paper focuses on the process of educating Islamic law, formal and informal, followed by the practice of Islamic law in the country. The final part attempts to analyze the influence of websites, books and idealism in the future practice of Shafi'ite school in Malaysia.

PENDAHULUAN

“....Imam Syafi‘i dianugerahkan oleh Allah SWT pemahaman mendalam tentang bahasa Arab dan Al-Quran. Oleh kerana itu, beliau memahami secara mendalam makna-makna Al-Quran dan mampu melihat rahsia-rahsia tersembunyi dan tujuan-tujuan dari apa yang dimaksudkan oleh *nash*. Sang Imam menyampaikan semua itu si saat beliau memberikan pelajaran kepada murid-muridnya. Dalam hal ini, murid-muridnya pernah berkata, ”Ketika menjelaskan

* Prof. Madya, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Pensyarah, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

masalah tafsir, Imam Syafi'i menjelaskannya seakan-akan beliau adalah salah seorang yang ikut menyaksikan turunnya al-Quran di zaman Rasulullah SAW" ...

"...Sang Imam bukan termasuk orang yang biasa menutup perkara. Ia adalah seorang yang selalu siap memberikan pemikiran dan komentarnya tentang semua yang ia pelajari hingga ia mampu menangkap sebuah hakikat. Ia mempunyai logika yang lurus dan menerawang jauh melampaui batas zamannya. Ia tidak merasa cukup hanya dengan mempelajari perkara dari isu zahirnya saja. Lebih dari itu, ia akan menulusuri permasalahan sampai ke akarnya. Sang Imam adalah sosok yang sangat tinggi pemahamannya. Ia tidak akan berhenti pada sebuah batasan sebelum mampu mencapai kebenaran secara sempurna, sesuai dengan pandangannya."¹

Dalam artikel ini, pembudayaan dertiakan sebagai *enculturation* atau *cultural formation and transformation*, atau pembentukan dan transformasi budaya. Dengan itu pembudayaan mazhab Syafi'i memberi erti pembentuk dan transformasi masyarakat Melayu berlandaskan mazhab Syafi'i. Pembudayaan sesuatu masyarakat boleh terbentuk melalui pendidikan, undang-undang, persekitaran, ekonomi, politik dan kepercayaan.

Pembudayaan melalui pendidikan dalam masyarakat boleh dibahagikan kepada dua iaitu melalui pendidikan secara formal² dan tidak formal³ yang menyediakan kerangka pemikiran, pengetahuan dalam membentuk dan mengasuh nilai, kemahiran untuk berkembang menjadi anggota masyarakat yang instrumental kepada keharmonian, perpaduan dan kemajuan material dan spiritual. Pendidikan tidak

¹ Muhammad Abu Zahrah (2007) *Imam Syafi'i*. Abdul Syukur & Ahmad Rivai Uthman (terj.). Jakarta: Penerbit Lentera, hh. 60 & 63.

² Pendidikan formal ialah pendidikan yang sangat diinstitusikan, berperingkat-peringkat mengikut umur dan berstruktur, mengikut hirarki yang berlangsung daripada sekolah rendah hingga ke kemuncak universiti.

³ Pendidikan tidak formal adalah aktiviti pendidikan yang berorganisasi dan sistematik yang berlaku di luar sistem formal untuk memberikan jenis-jenis pembelajaran yang terpilih kepada kumpulan kecil sama ada untuk orang dewasa atau kanak-kanak.

formal khususnya dalam masyarakat Melayu Islam adalah bersifat asas bagi tujuan menjalani kehidupan sehari-hari. Pendidikan lebih berlaku dalam keluarga masing-masing di mana ibu bapa adalah orang yang sangat signifikan memainkan peranan. Sementara pendidikan yang lebih formal pula adalah seperti yang berlangsung di institusi seperti istana, madrasah, pondok, surau dan masjid.

Pembudayaan sesuatu masyarakat juga boleh terbentuk melalui undang-undang dan peraturan bersama dengan politik dalam menstrukturkan masyarakat untuk menjadikan sebuah organisasi yang boleh berfungsi dengan baik.

Selain daripada pendidikan dan undang-undang, pembudayaan sesuatu masyarakat juga boleh terbentuk melalui aktiviti ekonomi yang berperanan menggerakkan masyarakat ke hadapan ke arah kehidupan material yang lebih baik. Begitu juga dengan aspek persekitaran yang banyak mempengaruhi kehidupan dan pemikiran masyarakat.

Secara ringkasnya, budaya adalah merangkumi aspek kepercayaan yang memberi nilai spiritual dan moral kepada masyarakat dalam kesemua aspek kegiatannya baik pendidikan, ekonomi dan juga undang-undang. Unsur-unsur ini akan membentuk budaya hidup sesebuah masyarakat.

Artikel ini akan cuba mengimbas kembali pembudayaan mazhab Syafi‘i dalam masyarakat Melayu Islam di Malaysia berasaskan pendidikan dan undang-undang dengan tujuan untuk mengemukakan elemen-elemen yang boleh mempengaruhi proses pembudayaan ini pada masa hadapan. Kedua-dua aspek ini difokuskan bersama kerana undang-undang terutama sekali dari aspek penguatkuasaan dan penghukuman adalah juga bentuk pendidikan atau lebih tepat pendidikan masyarakat dengan pendekatan yang lebih dogmatik. Perbincangan artikel ini adalah dalam lingkungan masyarakat Melayu Islam sahaja dan ini tidak termasuk anggota masyarakat Islam di Malaysia dari lain-lain keturunan.

PENGARUH MAZHAB SYAFI'I DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Mazhab Syafi'i telah meninggalkan pengaruh yang besar dalam pendidikan tradisional di Malaysia. Pengaruh mazhab ini boleh dilihat dalam pelbagai bentuk sistem pengajian yang wujud sama ada secara formal atau tidak formal. Menurut Ahmad Mohd. Salleh⁴, kitab mazhab Syafi'i digunakan dalam pengajian di pondok-pondok, masjid, surau-surau dan sekolah-sekolah agama.

Mazhab Syafi'i telah menjadi asas pendidikan hukum semenjak Islam mula bertapak di rantau ini pada awal kurun pertama Hijrah, atau kurun ke tujuh Masihi⁵. Kitab-kitab mazhab Syafi'i digunakan dalam majlis-majlis pengajaran dan pembelajaran. Semasa Kesultanan Melayu Melaka, di mana istana menjadi pusat pengajian untuk keluarga raja dan para pemberesar, banyak buku mazhab Syafi'i digunakan oleh para ulama' sebagai bahan pengajaran mereka. Bahasa Arab dikatakan digunakan secara meluas pada masa itu. Buku-buku itu termasuklah yang dihasilkan oleh al-Ghazālī, al-Rāfi'i, al-Nawawī, al-İsfihānī, al-Shirāzī, al-Asnawī dan al-Subkī⁶.

Apabila pengajian Islam menekankan kepentingan Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran yang perlu sebagai proses pengisian jiwa atau kerohanian bagi seseorang individu, maka mulalah tertubuh dengan meluasnya institusi pondok di serata negara. Pengajian sekolah pondok wujud kerana adanya pengaruh ajaran Islam. Bagi tujuan pengajian di sekolah pondok, pondok-pondok kecil biasanya dibina di sekitar rumah Tok Guru oleh ibu bapa murid yang hendak belajar di situ. Kemudian ibu bapa akan membekalkan anak masing-masing dengan keperluan diri seperti tikar, bantal, periuk, bahan-bahan makanan seperti beras dan lain-lain. Murid-murid akan sentiasa bersembahyang secara berjemaah

⁴ Ahmad Mohd. Salleh (2004), *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti, h. 162.

⁵ Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid & Raihanah Hj Azahari (1987), *Undang-Undang Keluarga Islam: Konsep dan perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 36.

⁶ Mohamad Jajuli A. Rahman (1995) *The Malay Law Text*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. viii-x.

dengan Tok Guru dan belajar pada masa yang telah diperuntukkan. Pelajaran adalah berkisar pada Al-Quran, bacaan doa, perkara-perkara fardhu ain, fardhu kifayah dan cara-cara hidup sebagai orang Islam. Pada waktu siang, biasanya murid-murid akan membantu Tok Guru dalam kerja-kerja hariannya seperti berkebun, bersawah, bertukang dan sebagainya.

Pengajian pondok menggunakan kitab-kitab mazhab Syafi'i sebagai asas pengajaran oleh tok-tok guru seperti *Minhāj al-Ābidiyin* dan *Munyah al-Muṣallī* oleh Sheikh Daud Abdullah al-Fatani, dan juga *Bahjah al-Mubtadin wa Farḥatun al-Mubtadin* oleh Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustapha bin Muhamad al-Fatani. Kitab-kitab ini juga digunakan di surau, di mana kegiatan mengajar untuk orang-orang kampung semakin mendapat sambutan⁷.

Pada kurun ke-18, pendidikan bercorak keagamaan telah berkembang dengan lebih maju. Ini adalah disebabkan oleh penghijrahan beberapa orang alim ulama dari Timur tengah ke Tanah Melayu. Mereka ialah seperti Syarif Muhamad, Syeikh Daud Abdullah, Syeikh Abdul Kadir dan Syeikh Haji Abdul Halim Ahmad. Banyak sekolah yang berlatar belakangkan Islam berbentuk madrasah telah didirikan. Persekolahan bentuk ini adalah bersifat formal. Ia banyak dikendalikan oleh guru-guru yang mendapat pendidikan dari Asia Barat.⁸

Sejak Pendidikan Islam mula diinstitusikan sebagai satu mata pelajaran yang diajar kepada murid-murid Islam di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran/Pendidikan mulai tahun-tahun 1950an sebagai mata pelajaran tambahan atau di luar kurikulum/jadual persekolahan dan mulai 1962 sebagai sebahagian dari kurikulum persekolahan⁹, Fiqh mazhab Syafi'i sekali lagi menjadi asas kepada pembelajaran hukum Islam di semua peringkat.

⁷ Hassan Madman (2001), *Pondok dan Madrasah di Pattani*. Bangi: Penerbit UKM, hh. 77-86.

⁸ Ikhsan Othman & Norila Md Salleh (2005), *Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah*. Perak: Penerbit Quantum Books, h. 2.

⁹ Mohd. Ali Hashim (2002), ‘Pendidikan Islam KBSR: Asas Pembentukan dan Pelaksanaannya’ (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) h. 68.

PELAKSANAAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Sistem pendidikan di Malaysia telah berkembang dengan meluas dan sistematik bagi memenuhi harapan dan matlamat negara terhadap rakyat. Pelbagai gelombang reformasi pendidikan telah berlaku bagi memastikan kecemerlangan kualiti pendidikan.

Menurut perlumbaan Malaysia, Hal Ehwal Agama Islam terletak di bawah kuasa Raja-Raja Melayu. Akta Pelajaran 1961, menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan mentadbirkan pendidikan Agama Islam di sekolah menengah kerajaan dan kerajaan negeri pula mentadbir mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah kerajaan dan sekolah agama swasta. Akan tetapi semenjak tahun 1974, hampir semua kerajaan negeri telah bersetuju menyerahkan pendidikan agama Islam kepada Kementerian Pendidikan.¹⁰

Pelaksanaan kurikulum pengajaran Pendidikan Islam di Malaysia telah diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah mengungkapkan Falsafah Pendidikan Islam sebagai :

“Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat”¹¹

Falsafah pendidikan Islam adalah suatu usaha mendidik manusia yang bertujuan untuk memberi segala ilmu, kemahiran dan penghayatan agar dapat menjadi insan yang soleh seterusnya

¹⁰ Saedah Hj. Siraj, Shahril Marzuki, Zainun Ishak & Lee Pau Wing (1994), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. h. 83.

¹¹ Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), KBSR. Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral.

dapat menjalankan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT di samping bermotivasi untuk membangunkan diri, masyarakat, agama dan negara untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Falsafah pendidikan Islam menyatakan dengan jelas segala matlamat dan tujuan Pendidikan Islam, di samping dapat menentukan pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran¹². Selain itu, melalui falsafah ini juga, dapat disusun kurikulum yang sesuai untuk diajarkan kepada para pelajar.

Sememangnya falsafah pendidikan Islam yang dibentuk oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah juga selaras dengan pembentukan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang turut mementingkan aspek ketuhanan sebagai perkara utama. Falsafah Pendidikan Negara yang dibentuk adalah seperti berikut:

"Pendidikan di Malaysia adalah usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah usaha untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara."

Matlamat utama pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah adalah untuk melahirkan individu Islam yang beramal soleh, seterusnya melahirkan warganegara yang beriman. Pendidikan Islam juga berusaha mendidik dan membimbing pelajar ke arah melahirkan insan yang mempunyai keseimbangan dari segi material dan spiritual.

Ia juga selari dengan falsafah Islam yang bermaksud menyediakan manusia dengan pengalaman dan ilmu pengetahuan yang cukup agar ia kenal dirinya serta mengetahui cara untuk menjalankan atau melaksanakan tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Apabila seseorang individu dapat

¹² Mohd Yusuf Ahmad (2004), *Falsafah Dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 29.

menjalankan tugas dan tanggungjawab ini dengan baik, maka jadilah dia insan yang soleh. Oleh itu, pemilihan dan penggunaan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang betul perlu dititikberatkan untuk memastikan matlamat dan tujuan Falsafah Islam yang merangkumi falsafah pendidikan Islam dapat tercapai sepenuhnya.

Tahun 1980 an adalah era perubahan yang paling ketara dalam sistem pelajaran negara, sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun peringkat sekolah menengah iaitu apabila Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan.

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) mula diperkenalkan setelah mendapati beberapa kelemahan dalam kurikulum sebelumnya iaitu Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR). Kurikulum tersebut dikenali sebagai Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) yang berdasarkan kepada kurikulum dengan pelbagai bahasa yang dipilih sebagai bahasa pengantaranya. Pelaksanaan KLSR adalah secara berpusat dengan menggunakan sukanan pelajaran umum (general syllabuses) yang beberapa kali disemak. Persekolahan peringkat rendah di negara ini berterusan mengikut kehendak KLSR sehingga kajian dibuat pada tahun 1974 hingga 1979 oleh jawatankuasa diketuai oleh Dr. Mahathir Mohamad bagi melihat kesesuaian KLSR ini. Laporan kajian yang dikeluarkan pada tahun 1979 mendapati bahawa KLSR sudah tidak relevan lagi dan perlu diganti dengan kurikulum yang baru. Pelaksanaan KLSR berlangsung selama beberapa tahun hingga terbitnya Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan pada 7 November 1979. Implikasi daripada laporan ini ialah pengenalan kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982.

Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang bermula pada tahun 1988 dan menyeluruh pada tahun 1989. Ini menandakan bermulanya era KBSM bagi menggantikan Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM). Banyak reformasi yang telah diketengahkan dalam KBSM sama ada dari segi kurikulum, pendekatan pembelajaran, penerapan nilai-nilai murni, penekanan kemahiran berfikir dan sebagainya yang diyakini

selari dan mampu memenuhi misi yang dicetuskan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ini juga tidak terlepas dari penggunaan mazhab Syafi'i sebagai landasan pendidikan hukum. Penggunaan fiqh mazhab Syafi'i sebagai asas pembelajaran hukum Islam di sekolah-sekolah kerajaan Malaysia berterusan sehingga ke hari ini sama ada di peringkat rendah atau menengah. Hal ini juga berlaku di sekolah-sekolah agama kelolaan kerajaan-kerajaan negeri dan sekolah agama rakyat yang terdapat di seluruh negara. Guru-guru yang mengajar adalah lulusan dari institusi-institusi yang berorientasikan mazhab Syafi'i sama ada tempatan, Mekah atau Mesir. Secara ringkasnya fiqh Syafi'i mendominasikan pengajaran dan pembelajaran hukum Islam di Malaysia di semua peringkat dan jenis persekolahan termasuk dalam sistem tradisional dari awal sejarah kedatangan Islam sehingga ke hari ini.

Penggunaan mazhab Syafi'i sebagai landasan pendidikan hukum dalam kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia, terutamanya dalam pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) berterusan sehingga sekarang. Kurikulum tersebut berpegang kepada beberapa aspek seperti berikut:

i. Falsafah Pendidikan Negara

Hasrat negara untuk melahirkan pelajar yang cemerlang secara total memerlukan pemerhatian, pemantauan dan tindakan susulan secara teliti untuk memupuk dan membendung nilai-nilai yang diharapkan. Pendekatan adalah dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan untuk membentuk pelajar seperti yang dihasratkan.

ii. Falsafah Pendidikan Islam

Falsafah Pendidikan Islam untuk mendidik pelajar agar dapat menguasai ilmu, amalan dan kemahiran dalam hidup yang telah ditetapkan supaya mata pelajaran Pendidikan Islam dapat menyumbang ke arah pembentukan diri Muslim mukmin yang berilmu, beriman, beradab, berakhhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab, beramal soleh dan bertakwa.

iii. Wawasan 2020

Pelajar hari ini adalah bakal generasi yang akan menjadi tunggang kepada pembangunan masyarakat dan negara pada abad yang akan datang. Pendekatan yang tepat yang diamalkan guru akan melahirkan dan membentuk pelajar ke arah masyarakat seperti yang diharapkan dalam sembilan cabaran Wawasan 2020.

iv. Wawasan Pendidikan

Dalam konsep pembinaan insan seperti yang digambarkan dalam Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020, pendekatan guru berasaskan individu dapat menjurus kepada matlamat Wawasan 2020. Pendidikan yang berteraskan kepada konsep perbezaan individu dalam menangani permasalahan akademik, personal, disiplin, sahsiah, moral dan perhubungan interpersonal akan melahirkan pelajar yang berjaya dalam semua aspek kehidupan. Ini akan merealisasikan hasrat negara untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang bebas daripada tingkah laku tidak berdisiplin, bermoral rendah dan anti-sosial atau anti-pentadbiran sekolah.

FIQH SYAFI'I DALAM AMALAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Pengajaran dan pembelajaran fiqh Syafi'i yang begitu dominan dalam masyarakat Melayu Islam di Malaysia sekian lama tentu sekali memberi kesan yang mendalam kepada pemikiran dan pengamalan hukum Islam itu sendiri. Para ulamak tempatan memberi pendapat hukum mereka berasaskan pemikiran fiqh Syafi'i. Demikian juga para mufti dan Jawatankuasa Fatwa. Mereka mengeluarkan fatwa berasaskan pertimbangan Fiqh Syafi'i walau pun terdapat beberapa fatwa yang diasaskan pada mazhab lain seperti zakat fitrah yang dibolehkan dengan wang tunai sebagai gantian kepada beras, iaitu berasaskan fiqh mazhab Hanafi. Ini adalah pengecualian yang mengambil kira kemuslihanan masyarakat Islam tempatan itu sendiri. Penggunaan mazhab lain dalam penentuan hukum seperti ini tidak menjelaskan kedudukan mazhab Syafi'i dalam amalan masyarakat Melayu Islam di negara ini.

Pembinaan dan pengamalan undang-undang Islam di negara ini tentu sekali merupakan lanjutan atau kesan dari pendidikan Islam itu. Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka adalah berasaskan Undang-Undang Laut dan Hukum Kanun Melaka yang terbina atas Undang-undang Islam walaupun terdapat elemen-elemen hukum adat dan Undang-undang Hindu yang agak ketara¹³. Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut ini telah menjadi asas kepada pembinaan hukum kanun lain di Tanah Melayu seperti Hukum Kanun Pahang, Undang 99 Perak, Undang-Undang Johor dan Undang-Undang Kedah. Penyusunan teks undang-undang itu dipengaruhi oleh bentuk penyusunan yang biasa terdapat dalam buku-buku mazhab Syafi'i. Dalam qisas berkaitan pembunuhan, buku-buku Syafi'i membahagikan hukuman kepada tiga kategori: mempunyai niat, tidak sengaja dan sengaja. Susunan dalam teks hukum itu adalah sama, iaitu, mempunyai niat dan tidak sengaja. Hukum pembunuhan sengaja tidak dinyatakan dengan jelas. Penjelasan tentang diyat juga menampakkan pengaruh Syafi'i¹⁴.

Undang-undang Islam di Malaysia sekarang juga adalah berdasarkan fiqh mazhab Syafi'i. Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Enakmen No 2/2003) mentafsirkan Hukum Syarak sebagai Hukum Syarak mengikut mazhab Syafi'i atau mengikut mana-mana satu mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali. Dalam tafsiran ini mazhab Syafi'i didahulukan selepas itu barulah merujuk kepada mazhab sunni yang lain.

Hal ini juga boleh dilihat pada keputusan hakim terhadap sesuatu kes yang dibicarakan. Dalam kes Mahkamah Tinggi Syariah (Kes No. MTST 41-008/33/97) di mana seorang isteri memohon supaya dipertimbangkan kesahan perkawinannya yang dilakukan di Selatan Thai. Pemohon mendakwa bahawa dia dibawa ke Yala dan dinikahkan tanpa kerelaannya. Juru nikah tidak pernah meminta persetujuan dan izin dari pemohon untuk menikahnya dengan lelaki yang membawanya ke Yala itu. Hakim membuat keputusan ‘bahawa akad nikah yang didakwa pada 30 jun 1995 iaitu adalah telah tidak menepati rukun-rukun nikah dan menyebabkan nikah

¹³ Abu Hassan Sham (1995), *Hukum Kanun Melaka*. Melaka: Penerbitan Perbadanan Muzium Melaka, h. 14.

¹⁴ Mohamad Jajuli A. Rahman (1995), *The Malay Law Text*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 30-35.

itu tidak sah menurut Hukum Syarak dan dengan itu ianya juga tak sah menurut undang-undang¹⁵. Dalam membuat keputusan ini hakim telah merujuk kitab-kitab Syafi'i Jilid II halaman 23 dalam Bab Rukun Nikah, Bujairimi 'Alā Al-Khatib, jilid 3, muka surat 327, *I'ānah al-Tālibīn*, juzuk ketiga, halaman 312 dan juga *Fath al-Mu'īn*. Kesemua kitab ini ialah kitab-kitab *turāth* mazhab Syafi'i.

Oleh kerana amalan-amalan berasaskan mazhab Syafi'i telah begitu lama dan sebatik atau terbudaya dalam masyarakat Melayu Islam di negara ini menjadi faktor keserasian dalam pergaularan anggota masyarakat, ianya perlu dijaga dan dipupuk terutama di kalangan golongan rakyat biasa. Amalan yang berlainan atau di luar kebiasaan dari mazhab Syafi'i akan menimbulkan reaksi di kalangan mereka. Sangkaan yang tidak baik akan membawa kepada tuduhan-tuduhan yang boleh memecahkan kesepadan masyarakat Melayu dan sudah tentu akan memberi kesan yang berpanjangan yang tidak menguntungkan masyarakat Islam itu sendiri. Pengalaman masyarakat dalam krisis kaum muda dan kaum tua pada tahun 1950an dan 1960an perlu diambil iktibar sebaiknya¹⁶. Pada peringkat kroniknya krisis ini memisahkan antara dua kampung yang berjiran, memutuskan silaturrahim dan mengharlamkan setengah amalan yang halal (sembelihan misalannya) oleh pihak lain, malah ada yang memecah belahan rumah tangga. Hal-hal yang bersifat *furiū'iyyah* seperti doa qunut, tahlil, dan sebagainya diperbesarkan sehingga menimbulkan ketegangan.

Latarbelakang kewujudan mazhab Syafi'i adalah bersesuaian dengan persekitaran masyarakat Malaysia. Imam Syafi'i dilahirkan di Palestin, dibesarkan di Mekah, mendapat pendidikan di Mekah dan Madinah di kalangan *ahl al-Hadīth*, pernah berkhidmat di Yaman, memperluaskan pengalaman ilmu di Baghdad di kalangan *ahl al-Ra'yī* semasa Kota Darul Hikmah itu di kemuncak keagungan tamadun Islam, kemudian berpindah ke Mesir yang pada waktu itu sudah pun mempunyai tamadun tersendiri walau pun tidak sehebat Baghdad. Imam Syafi'i (150-198H) berguru dengan Imam Malik

¹⁵ Sila lihat Jurnal Hukum JLD XIBHG II, Sya'ban 1418/Disember 1997 hh. 211-216.

¹⁶ William Roff (1994), *The Origins of Malay Nationalism*, ed. 2. Oxford: Oxford University Press, hh. 71-90.

(93-179H) di Madinah dan dengan Imam Muḥammad Ibn al-Hasan, murid Imam Abu Hanifah (80-150H). Imam Syafi'i melihat kembali pemikiran fiqhnya semasa di Mesir, iaitu dipenghujung perjalanan ilmunya setelah mengalami berbagai situasi keilmuan. Secara ringkasnya mazhab Syafi'i mengambilkira kepelbagaiannya situasi dan budaya. Itu menampakkan kesesuaian mazhab Syafi'i dengan masyarakat Malaysia yang majmuk etnik dan budaya.

Cabaran terhadap amalan-amalan yang berteraskan kepada mazhab Syafi'i atau pembudayaan mazhab Syafi'i di negara ini tetap akan berlaku dalam dunia global pada hari ini. Masyarakat Islam Melayu adalah terdedah kepada laman-laman web yang mengutarakan pandangan mazhab lain terhadap sesuatu isu yang berkaitan dengan hukum. Mungkin tujuan laman itu adalah untuk menjelaskan pandangan mereka untuk difahami bersama, tetapi laman-laman seperti itu boleh ditanggapi secara berlainan oleh masyarakat Islam awam dan akan mempengaruhi tindakan mereka. Tindakan yang berlainan itu akan menimbulkan reaksi pihak lain di kalangan masyarakat. Reaksi walau pun kecil pada awalnya boleh membawa kepada silap faham yang boleh menggugat keutuhan masyarakat Islam di negara ini yang sememangnya sudah lemah dalam kebanyakan hal.

Laman web yang mengutarakan pendapat mazhab tertentu atau perbincangan tentang Islam secara terbuka tanpa mengira mazhab ini memang baik, iaitu untuk mewujudkan media pengetahuan yang memberi ruang kepada umat Islam di mana sahaja untuk mendalami pengetahuan mereka tentang Islam atau memahami sesuatu isu itu dari sudut yang berbagai-bagai yang tidak berasaskan satu pandangan sahaja. Ada juga antara laman-laman itu yang bersifat interaktif, iaitu membolehkan berlakunya pertukaran pendapat dan juga maklumat. Media ini boleh mengeratkan hubungan sesama umat Islam tanpa mengira sempadan. Laman-laman seperti ini amat sesuai untuk para intelek. Dalam dunia internet terdapat ratusan laman Islamik ini yang amat bermanfaat kepada mereka yang faham. Mereka menggunakan dengan penuh kesedaran tentang tujuan asal pemilik laman itu. Walau pun begitu bagi masyarakat awam khususnya di Malaysia, laman ini boleh mempengaruhi pemikiran dan amalan-amalan mereka yang berteraskan mazhab Syafi'i. Keterbukaan dalam perbincangan maya itu akan menimbulkan kekeliruan mereka terhadap hukum-

hukam tertentu. Kekeliruan ini akan diterjemahkan dalam bentuk amalan yang akan lebih mengelirukan pihak lain yang menyaksikannya. Dalam jangka masa panjang kekeliruan itu akan berlipat ganda dan semakin berkembang.

Faktor pendedahan masyarakat kepada buku-buku dari luar negara juga boleh membawa impak kepada kedudukan mazhab Syafi'i di Malaysia. Secara umumnya buku mempunyai tiga fungsi yang berkait antara sama lain. Pertama buku sebagai *cultural product* atau hasil budaya yang memuatkan pemikiran, perasaan dan pengalaman masyarakat yang merupakan artifak yang akan diwarisi oleh generasi kemudian. Kedua, buku sebagai *cultural behaviour* atau perlakuan budaya yang memberi impetus, tolakan atau penggerak kepada perlakuan masyarakat berkenaan. Ketiga, buku merupakan *process of cultural production*. Sebagai fungsi ketiga ini buku memuatkan pemikiran, perasaan dan pengalaman penulis yang menjadi landasan kepada proses pembelajaran dan tindakan masyarakat¹⁷. Fungsi buku ketiga inilah yang boleh mempengaruhi kedudukan mazhab Syafi'i dalam masyarakat Melayu. Literatur yang dihasilkan oleh ahli-ahli hukum luar negara yang membincangkan persoalan hukum tanpa batasan mazhab akan mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku pembaca tempatan sama seperti laman web dalam dunia internet. Pertimbangan pembaca pada umumnya adalah lebih pada logik dalam perbincangan atau kesesuaian hukum pada perkiraan dan mungkin juga pada senang-susah pengamalannya. Pembaca dari masyarakat awam tidak mempunyai pengetahuan asas yang kuat untuk menapis atau mengolah pemikiran dan pengalaman intelek dari luar negara. Dengan demikian mereka hanya menerima sahaja apa yang diperkatakan dan menjadikannya sebagai landasan untuk tindakan dan amalan mereka.

Idealisme pemimpin adalah penting kepada perubahan masyarakat. Secara positif idealisme pemimpin mampu menyedarkan masyarakat tentang kesilapan-kesilapan yang membawa kepada kelemahannya. Pemimpin yang ideal ditambah dengan karismenya akan membawa masyarakatnya melalui halangan kehidupan ke perubahan yang positif untuk membina kemajuan masyarakat berkenaan. Media

¹⁷ Sila lihat Abdullah Fadjar (2006), *Khasanah Islam Indonesia*. Jakarta Timur: Habibie Center, hh. 3-4.

massa selalunya akan memberi *highlight* kepada pemimpin seperti ini untuk agenda tertentu mereka. Idealisme pemimpin juga boleh membawa kepada aliran tindakan yang berbeza yang akhirnya memecahkan masyarakat awam yang menjadi pengikutnya. Dua orang pemimpin yang mempunyai ideal masing-masing boleh memahami perbezaan antara mereka dan boleh duduk semeja membincang isu-isu berkaitan tetapi pengikut mereka akan membentuk dua kumpulan yang bersaingan yang sukar untuk di pertemukan. Hal ini boleh mengeliru dan mengganggu tindakan dan amalan masyarakat dan boleh memberi kesan kepada keharmonian masyarakat. Isu yang melibatkan agama atau mazhab sukar untuk diselesaikan. Para pengikut akan mempertahankan amalan dan kepercayaan mereka secara sentimental dan emosional. Nas-nas akan diterjemahkan dari perspektif idealisme itu dan tidak lagi menjadi landasan untuk pertimbangan. Pemimpin-pemimpin yang ingin mengetengahkan idealisme mereka perlu sensitif terhadap situasi keilmuan masyarakat kerana mereka hanya mampu untuk menerima sahaja. Mereka tidak mempunyai keupayaan untuk menimbang idealime yang dibawa itu secara kritis. Ideal yang mahu dibawa kepada masyarakat perlu dikemukakan dengan bijaksana, penuh berdiplomasi dan terancang mengambilkira situasi, kepekaan serta sesuai dengan tahap penerimaan mereka. Pendekatan ini penting supaya idealisme itu tidak menimbulkan kekeliruan yang boleh membawa kepada polimik yang emosional yang akhirnya menyebabkan perpecahan yang tidak menguntungkan masyarakat itu sendiri.

KESIMPULAN

Secara ringkasnya mazhab Syafi‘i telah terbudaya dalam masyarakat Melayu Islam di Malaysia melalui proses pendidikan formal dan tidak formal. Sistem perundangan Islam di negara ini pada umumnya adalah terbina di atas mazhab Syafi‘i hasil dari perkembangan pendidikan Islam itu. Latarbelakang pembentukan mazhab Syafi‘i mempunyai kesamaan dengan kepelbagaiannya masyarakat Malaysia. Inilah terletaknya signifikan mazhab Syafi‘i dalam konteks masyarakat Malaysia. Walau pun begitu perkembangan dan kemajuan intelektual di zaman ini sudah pasti akan memberi kesan kepada status quo mazhab Syafi‘i di Malaysia.

